

**UNTUK SIARAN SEGERA  
28 MAC 2023**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SWM ENVIRONMENT RAI PENGHUNI MADRASAH TAHFIZ AL QURAN WAL ARABIAH, BATU PAHAT**

---

**BATU PAHAT, JOHOR, 28 MAC 2023** – Sempena bulan Ramadan tahun ini, SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menerusi inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SWM Kasih Santun Ramadan, memberi sumbangan berbentuk barangan keperluan sendiri kepada 50 orang penghuni Madrasah Tahfiz Al Quran Wal Arabiah, Batu Pahat

Program SWM Kasih Santun Ramadan merupakan program tahunan yang memfokuskan usaha membantu golongan yang memerlukan terutamanya dalam menyambut bulan Ramadan. Menerusi program ini juga, satu sesi taklimat mengenai program galakan kitar semula berganjaran KITAREcycle turut diadakan bagi memberi kesedaran tentang amalan pengurusan sisa pepejal yang berhemah melalui amalan Pengasingan Sisa di Punca (Separation at Source - SAS) dan 3R (Reduce Reuse Recycle) serta memperhebatkan lagi kesedaran bagi mengelakkan pembaziran makanan dalam bulan puasa.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata masyarakat perlu lebih peka mengenai lebihan dan sisa makanan yang masih boleh digunakan. Selain itu, mereka juga boleh menderma atau berkongsi makanan yang berlebihan dan menyimpan makanan dengan bijak untuk mengelakkan kerosakan. Di Malaysia, dilaporkan kira-kira 10 peratus daripada sampah yang dibuang setiap hari adalah makanan yang masih boleh dimakan.

Majlis penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Onn bin Abu Bakar, Ahli Parlimen Batu Pahat. Turut hadir Tuan Chairul Hisham bin Jalaluddin, Pengarah SWCorp Negeri Johor dan Tuan Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Majlis berbuka puasa ini juga mendapat tajaan Nasi Pakistan No. 1 Batu Pahat dan Delicious Santai, Parit Raja.

Orang ramai boleh menggunakan Talian Indahkan Malaysia dengan menghubungi 1-800-88-7472 atau Talian Whatsapp SWM Environment di 012-618 0082 yang sentiasa beroperasi bagi menyalurkan sebarang aduan dan pertanyaan berhubung dengan perkhidmatan berkaitan.

**-TAMAT-**



## **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (Separation at Source-SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

## **MENGENAI KITARECYCLE**

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan KITAREcycle, program kitar semula berganjaran di tiga negeri wilayah Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program KITAREcycle bertujuan untuk menggalakkan orang ramai melaksanakan aktiviti kitar semula dan berpeluang mengumpul mata ganjaran (Recycling Point = RP) yang boleh ditebus kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian. Program KITAREcycle menerima lebih 25 jenis barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple App Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

### **SWM ENVIRONMENT HQ:**

#### **NORSIDA TASLIM**

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwat Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

Tel : 019 – 255 0908

E-mel : [norsida.taslim@swmsb.com](mailto:norsida.taslim@swmsb.com)

### **SWM ENVIRONMENT JOHOR:**

#### **MUHAMAD BAKHTIAR BIN AZNI**

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwat Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Utara)

Tel : 07 – 455 6166 / 016 –4240503

E-mel: [bakhtiar.azni@swmsb.com](mailto:bakhtiar.azni@swmsb.com)



**SWM ENVIRONMENT**